


[UPE (S). 11/100/253]



KERAJAAN SERI PADUKA BAGINDA
MALAYSIA

Y.B. Setiausaha-setiausaha Kerajaan Negeri

PEKELILING AM BIL. 1 TAHUN 1990
RANCANGAN BANTUAN TEKNIKAL UNTUK NEGERI

Adalah dimaklumkan bahawa Kerajaan telah bersetuju untuk mengadakan suatu peruntukan yang diberi nama Rancangan Bantuan Teknikal kepada Unit Perancang Ekonomi Negeri (UPEN). Tujuan peruntukan ini adalah untuk membolehkan Kerajaan-kerajaan Negeri menjalankan kajian-kajian ekonomi dan kajian-kajian kemungkinan ekonomi untuk membantu Kerajaan Negeri membuat perancangan di peringkat negeri secara yang lebih berkesan di samping membantu perancangan pembangunan sosio-ekonomi di peringkat negara.

2. Bagi tujuan ini, satu garis panduan telah disediakan bagi membantu Kerajaan Negeri memproses cadangan-cadangan untuk pertimbangan Unit Perancang Ekonomi (UPE). Garis panduan tersebut adalah bertujuan untuk memudahkan pemerosesan cadangan-cadangan dan membantu UPEN menimbangkan cadangan-cadangan yang diutarakan oleh agensi-agensi di peringkat negeri. Ia juga menggariskan tindakan lanjut yang perlu diambil oleh UPEN setelah kajian diluluskan.

3. Untuk makluman agensi-agensi yang berkaitan, peruntukan di bawah Rancangan Bantuan Teknikal kepada UPEN ini adalah merupakan sebagai tambahan kepada peruntukan kajian kemungkinan yang sedia ada di UPE. Ianya bertujuan memberi peluang kepada UPEN mencadangkan kajian dari perspektif negeri selaras dengan matlamat dan teras pembangunan negeri dan negara.

4. Agensi-agensi yang berkaitan hendaklah juga mengambil maklum bahawa satu Jawatankuasa Khas mengenai pemilihan kajian adalah dibentuk di UPE bagi menentukan keutamaan kajian, di samping memastikan kajian yang dicadangkan tidak bertindih serta saling melengkapi dengan kajian kemungkinan yang dicadangkan di bawah peruntukan Persekutuan P07 yang sedia ada.

5. Adalah juga dimaklumkan bahawa semua cadangan kajian ekonomi atau kajian kemungkinan yang dicadangkan mengambil manfaat daripada Rancangan Bantuan Teknikal ini hendaklah disampaikan untuk pertimbangan UPE tidak lewat daripada penghujung bulan April tiap-tiap tahun bagi memudahkan cadangan-cadangan itu dipertimbangkan bersekali dengan urusan mempertimbangkan Cadangan Program dan Projek Anggaran Pembangunan Tahunan.

6. Semua cadangan kajian hendaklah dikemukakan kepada UPEN terlebih dahulu untuk pertimbangan. Setelah kajian tersebut disenaraipendek dan diluluskan oleh Jawatankuasa Tetap Pemilihan Kajian Negeri, UPEN hendaklah mengemukakan lima (5) salinan cadangan yang kemaskini kepada:

Ketua Pengarah,
Unit Perancang Ekonomi,
Jabatan Perdana Menteri,
Jalan Dato' Onn,
50502 Kuala Lumpur.

Sekian, terima kasih.

(TAN SRI DATO' SERI AHMAD SARJI BIN ABDUL HAMID)
Ketua Setiausaha Negara

s.k. :

Ketua-ketua Setiausaha Kementerian
Ketua-ketua Jabatan Persekutuan
Pengerusi/Ketua Pengarah Badan-badan Berkanun Persekutuan
Pengerusi/Pengarah Urusan Perusahaan Awam Bukan Kewangan
Pengarah-Pengarah Unit Perancang Ekonomi Negeri

JABATAN PERDANA MENTERI
KUALA LUMPUR

5 November 1990.